

20/09/2004

## Cabaran bermuafakat wujud Rumpun Melayu

Hassan Omar

LEBIH seminggu lalu, berpuluh-puluh cendekiawan Melayu berhimpun di Johor Bahru bagi menghadiri Kongres Kebudayaan Rumpun Melayu (KKRM) - khusus untuk memperinci, membahaskan dan melahirkan suara hati mereka, sekali gus juga suara hati rakyat rumpun Melayu berhubung Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK).

Selepas Kongres Kebudayaan Melayu pertama pada 1971, iaitu dua tahun selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969, yang bertujuan merangka dan melahirkan dasar kebudayaan yang mampu mencerminkan kebudayaan rakyat pelbagai bangsa dan etnik di negara ini, maka lahirlah KKRM yang disifatkan sebagai kongres berhubung kebudayaan Melayu yang kedua terbesar pernah diadakan selepas 1971.

Dengan Kerajaan Johor bertindak sebagai penganjurnya, manakala penyelenggaraannya dikendalikan oleh Yayasan Warisan Johor (YWJ) dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena), puluhan kertas kerja dibentangkan oleh puluhan cendekiawan Melayu yang bukan setakat menyusur galur sejarah peradaban Melayu sebagai tamadun supra etnik di wilayah nusantara ini, malah menegaskan betapa DKK yang sudah berusia 33 tahun itu harus diperteguh semula.

Sekadar menyebut beberapa cendekiawan Melayu seperti Datuk Dr Hassan Ahmad, Prof Datuk Dr Abu Bakar Abdul Hamid, Prof Datuk Dr Zainal Kling dan Prof Datuk Dr Abdullah Hassan, yang diperkukuh dengan pembentangan kertas kerja pertubuhan rumpun Melayu seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Persatuan Sejarah Malaysia (PSM), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Persatuan Bumiputera Iranun Sabah (Pisba), Majlis Adat Istiadat Sarawak, Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun dan seumpamanya, KKRM berlangsung dalam suasana hangat.

Kehadiran 85 badan kerabat KKRM itu diperkukuh pula dengan kesudian wakil Gabenor Riau dan wakil pertubuhan berkaitan rumpun Melayu dari Brunei Darussalam, Singapura dan Selatan Thailand untuk turut serta bersama-sama menilai semula DKK.

Meskipun tidak dapat hadir bagi merasmikan KKRM pada malam Jumaat itu, teks ucapan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, yang dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Johor, Ahmad Zahri Jamil, jelas mempamerkan komitmen kerajaan negeri untuk sama-sama mempertahankan dan meneguhkan DKK.

Antara lain, Abdul Ghani menyatakan bahawa kemajmukan budaya menuntut kesamaan dan keserataan status dalam semua hal hingga melampaui batas kedaulatan sejarah dan unsur kerajaan serta perjanjian ikatan kontrak sosial yang termaktub selama ini. Orang akan terus menuntut apa yang sering disebut sebagai 'Malaysian Malaysia' tetapi sengaja melupakan apa yang difahami sebagai 'Malaysia' dan 'Malaysian' adalah ditakrif oleh Perlembagaan Negara.

KKRM yang menyaksikan kebanyakan cendekiawan Melayu ketika membentangkan kertas kerja, dengan melampirkan sejarah peradaban bangsa Melayu sebagai kebudayaan supra etnik yang mengatasi kebudayaan pelbagai bangsa lain di rantau Nusantara ini, terpaksa mengakui bahawa DKK sudah tidak dihormati sesetengah pihak di negara ini.

Hujah mereka menyebut bahawa ada suara sumbang pihak tertentu yang mempertikaikan kebudayaan Melayu sebagai teras DKK. Akibatnya, segala hal yang menyangkut kebudayaan Melayu, termasuk bahasa Melayu sering

diperlekeh oleh pihak berkenaan.

Dr Hassan ketika membentangkan kertas kerjanya 'Cabaran dan Masa Depan Kebudayaan Kebangsaan' menyatakan pihak yang menentang DKK mendakwa DKK menentang kepelbagaian budaya yang telah lama wujud di negara ini sebelum adanya DKK.

Pihak berkenaan mendakwa dengan menjadikan Islam sebagai unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan tidak sesuai di negara yang penduduknya tidak semua beragama Islam dan menjadikan budaya pribumi atau Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan juga tidak sesuai dalam negara pelbagai etnik dan budaya.

Persoalannya, benarkah DKK menentang 'multiculturalism' atau realiti kebudayaan budaya? Sehubungan itu, Dr Hassan mengajak semua pihak memerhatikan keadaan realiti iaitu sejak DKK dilaksanakan tidak ada penduduk Malaysia yang dipaksa memeluk Islam atau mengamalkan nilai agama Islam dan tidak ada budaya kaum bukan Melayu dipinggirkan, apatah lagi termusnah akibat DKK.

Ketua I Persatuan Penulis Kuala Lumpur (Kalam), Jaafar Abdul Rahim, ketika membentangkan kertas kerjanya 'Kebudayaan Melayu: Antara Nostalgia, Realiti dan Mustaqbal' berkata, masyarakat hari ini lebih mengenali pelajar Akademi Fantasia daripada pemimpin negara.

"Hari ini kebudayaan kita mahupun kebudayaan kebangsaan semacam sedang digempur oleh kehadiran kebudayaan popular. Antaranya kehadiran acara hiburan yang cukup berpengaruh. Program hiburan seperti Akademi Fantasia, Malaysia Idol, Audition dan Who Will Win bukan setakat mempengaruhi pemikiran generasi muda, malah generasi dewasa dan tua Melayu," katanya.

Pada sidang pleno, Dr Zainal membawa persoalan mengenai penulisan sejarah negara ini yang secara jelas memperlihatkan kelangsungan Melayu yang tidak pernah terputus yang menjadi asas paling kuat bagi pembentukan DKK.

Contohnya, apabila Portugis menawan Pelabuhan Melaka, tulisan sejarah menyatakan bahawa keseluruhan Melaka sudah tertewas dan Sultan Melaka ketika itu, Sultan Mahmud Shah 'melarikan diri' sedangkan pada hakikatnya, Sultan Mahmud bukan melarikan diri, sebaliknya berpindah ke Pagoh, kemudian ke Siak, Bintan dan Sungai Johor kerana kawasan berkenaan adalah wilayah Melayu yang menjadi sebahagian daripada Empayar Kerajaan Melayu Melaka.

Selepas memaparkan susur galur kebudayaan Melayu yang berusia sekurang-kurangnya 700 tahun, membahaskan peri pentingnya kebudayaan Melayu sebagai teras DKK dihormati dan menggariskan cabaran DKK sekarang dan akan datang, KKRM pada akhir persidangannya meluluskan resolusi mengandungi sembilan perkara.

Yang paling menonjol ialah resolusi sebulat suara untuk membentuk sebuah permuafakatan Rumpun Melayu yang secara langsung berfungsi sebagai organisasi yang menyatukan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan rumpun Melayu di seluruh negara untuk mendukung dan mempertahankan hal yang berkaitan dengan DKK dan pelbagai aspek lain berhubung bangsa Melayu.

Ini kerana, setakat ini KKRM melihat bahawa tiada organisasi khusus yang mampu menyatukan fikiran dan suara pelbagai pertubuhan Melayu di negara ini, sekali gus menyebabkan suara berkenaan bagaikan tidak wujud dan kalau wujud pun, tidak mampu menyatakan kelantangan atau kesatuan kesepakatan rumpun Melayu.

Sekali lagi, YWJ dan Gapena diberikan tanggungjawab lebih besar, iaitu sebagai sekretariat permuafakatan Rumpun Melayu. Antara lain, sekretariat berkenaan melaksanakan tugas memantau, mendokumentasi, menyatakan pendirian, memberi tindak balas segera terhadap pelbagai isu berkaitan warisan kebudayaan Melayu, selain menyatukan pemikiran pelbagai pertubuhan

rumpun Melayu.

Selain itu, KKRM juga meluluskan resolusi memperkasa DKK (1971) yang bercirikan tiga aspek utama, DKK hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur kebudayaan lain dan yang wajar, boleh diterima sebagai unsur DKK dan Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan DKK.

Resolusi ketiga ialah KKRM mendesak DKK sebagai kerangka tamadun, pembinaan bangsa dan keperibadian warganegara yang sejajar dengan kebudayaan Melayu-Bumiputera dan anak negeri dalam Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, KKRM juga menerima tafsiran Islam dalam konteks zaman dan sejajar dengan perkembangan tamadun manusia.

KKRM juga menerima dasar kebangsaan tentang kenegaraan, bahasa, kebudayaan, pendidikan dan ekonomi sebagai dasar-dasar utama yang mesti dipertegas pelaksanaannya dan tidak boleh dirombak sewenang-wenangnya.

Selain itu, KKRM juga meluluskan resolusi memperkukuh bahasa Melayu sebagai media pengajaran ilmu di semua peringkat pendidikan dan pengajian, dan juga dalam pentadbiran, pengurusan dan komunikasi. KKRM juga menerima sepenuhnya unsur Kemelayuan-Kebumiputeraan sebagai asas untuk pembinaan tamadun Malaysia dan jati diri bangsa serta negara dalam menghadapi keseragaman globalisasi.

KKRM juga mendesak pertubuhan politik Rumpun Melayu menubuhkan biro kebudayaan, kesenian dan warisan supaya mampu mewibawakan kebudayaan di seluruh negara.

Resolusi terakhir ialah KKRM mencadangkan agar diwujudkan penyelarasan dalam kegiatan kebudayaan antara Kerajaan Johor dengan pemerintah Propinsi (Wilayah) Riau, Yayasan Bandar Seni Raja Ali Haji (Bandar Serai) di Pekan Baru, Gapena dan badan-badan kerabat KKRM bagi membina kecemerlangan tamadun Melayu dunia.

Daripada sembilan resolusi itu, tentulah yang menariknya ialah penubuhan permuafakatan Rumpun Melayu. Sekali imbas, penubuhannya dilihat mungkin sebagai bertujuan mengimbangi suara-suara (jika ada) rakyat Malaysia yang tidak menghormati DKK.

Hal ini bukan tidak pernah terjadi. Rata-rata masyarakat di negara ini pastinya tidak mudah melupakan tuntutan 18 perkara yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan Cina (Suqiu) pada awal 2001, yang secara jelas mempertikai hak dan keistimewaan Melayu.

Bagaimanapun, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menolak tuntutan berkenaan berdasarkan alasan konkrit, iaitu tuntutan yang mendesak Kerajaan Barisan Nasional (BN), terutama Umno itu tidak boleh diterima kerana ia menyalahi kontrak sosial negara.

Resolusi berkenaan ketika diserahkan kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim pada penutupan KKRM dijanjikan akan diteliti demi kelangsungan DKK.

Dr Rais yang mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Johor, YWJ dan Gapena, menegaskan bahawa DKK akan terus relevan dengan keadaan semasa dan akan datang. Bagaimanapun, katanya, dengan hanya melaungkan DKK, tidak akan membawa apa-apa erti jika rakyat tidak melihat inti perjuangan hidup bertamadun yang harus mendukung Rukun Negara.

Secara keseluruhannya, KKRM bukan setakat meneruskan retorik bahawa cendekiawan Melayu lebih gemar berseminar atau berkongres daripada melaksanakan langkah konkrit bagi satu-satu perkara.

Sesungguhnya, KKRM adalah landasan untuk masyarakat Rumpun Melayu meneruskan kelangsungan kebudayaan Melayu dan DKK secara keseluruhannya, terutama dalam menghadapi cabaran dunia tanpa sempadan.

Namun, setakat mana kemampuan permuafakatan Rumpun Melayu dalam menangani segala macam hal yang berkaitan dengan kebudayaan Melayu, perlu dinilai apabila ia mula berfungsi, entah bila. Sehubungan itu,

permuafakatan Rumpun Melayu diharapkan bukan sekadar hangat-hangat tahi ayam. Penubuhannya kelak menuntut perjuangan yang bukan sedikit.

(END)